

3. PENGURUSAN TAPAK JAJA DAN KERETA JAJA

- 3.1 Kereta jaja yang digunakan oleh pemilik lesen ini hendaklah mengikut piawaian MDKP. Contoh model dan salinan pelan kereta jaja boleh dilihat dan didapati di Unit Perlesenan Majlis Daerah Kubang Pasu.
- 3.2 Kereta jaja hendaklah sentiasa diletakkan di tapak yang diluluskan oleh MDKP seperti yang tercatat di bil lesen semasa perniagaan dijalankan. Perpindahan tapak jaja hanya boleh dibuat dengan kelulusan bertulis daripada MDKP.
- 3.3 Kereta jaja tidak boleh ditinggalkan di tapak jaja semasa tidak berniaga, kecuali dengan kelulusan/ kebenaran bertulis daripada MDKP.
- 3.4 Tidak dibenarkan sebarang sambungan dibuat pada kereta jaja atau membuat tambahan tong/ struktur binaan di tapak jaja kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MDKP.
- 3.5 Pelesen tidak dibenarkan meletak meja di tapak jaja kecuali dengan kelulusan MDKP apabila diluluskan.

4. KEBERSIHAN DAN KESIHATAN PELESEN DAN PENGENDALI MAKANAN

- 4.1 Pelesen / pembantu dan semua pengendali makanan yang terlibat dalam pengurusan makanan mestilah menjalani pemeriksaan kesihatan daripada klinik-klinik yang diperlaku oleh MDKP.
- 4.2 Setiap pelesen dan pengendali makanan yang terlibat dalam pengurusan makanan mesti sentiasa sihat, kemas dan bersih semasa mengendalikan penjajaan.
- 4.3 Pakaian pelesen dan pengendali makanan mestilah bersih, kemas dan dipakai dengan cara yang sepatutnya. Pemakaian baju singlet, seluar pendek, baju tanpa lengan dan selipar tidak dibenarkan.
- 4.4 Penutup kepala dan apron hendaklah sentiasa dipakai semasa memasak, menyediakan termasuklah membungkus dan mengendalikan makanan.

5. PENGURUSAN PENJAJAAN MAKANAN

- 5.1 Semua aktiviti bagi memasak makanan yang hendak dijual tidak dibenarkan di tapak jaja atau di kereta jajaan, kecuali dengan kelulusan MDKP.
- 5.2 Semua makanan yang diniagakan di kereta jaja hendaklah makanan yang sudah siap sempurna atau dimakan atau dibawa pulang oleh pembeli / pelanggan.
- 5.3 Bagi makanan yang memerlukan suhu panas semasa diniagakan, hendaklah menggunakan alat pemanas atau dapur pemanas dengan menggunakan api gas atau lektrik. Penggunaan arang kayu tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran MDKP.
- 5.4 Perniagaan makanan segera seperti ayam goreng, sotong goreng, keropok goreng, karipap atau lain-lain jenis makanan segera hendaklah dimasak di dapur yang menggunakan api